

Harga 19 Barang Keperluan Dikawal Sempena Perayaan

December 23, 2019



Oleh JENNIFER TUGUNG MICHAEL

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyenaraikan 19 jenis barangan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2019 berkuatkuasa dari 22 hingga 31 Disember ini.

Pengarah KPDNHEP Sabah, Georgie Abas berkata, skim itu akan dilaksana selama 10 hari melibatkan tiga hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan enam hari selepas perayaan berbanding lima hari pelaksanaannya tahun sebelum ini.

Georgie berkata, skim tersebut akan dilaksana di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. "Kementerian telah mengenal pasti 19 jenis barangan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 berbanding 16 jenis barangan sebelum ini.

"Pertambahan barangan melibatkan cili merah, kubis bulat import (Indonesia China tidak termasuk kubis Beijing) dan ubi kentang import (China)," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini. Menurut Georgie, sebanyak 17 jenis barangan di Sabah yang terlibat dalam pelaksanaan SHMMP Krismas 2019.

Antara barangan tersebut ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, ayam belanda import, kepek ayam, daging kambing import bertulang atau biri-biri import bertulang, telur ayam, ubi kentang, kubis bulat import, cili merah, tomato, lada benggala hijau, khinzir hidup, daging khinzir (perut), daging khinzir (daging dan lemak), ayam tua hidup dan daging kambing tempatan bertulang.

Menurut Georgie, penentuan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga yang lebih berkesan untuk memastikan harga berpatutan bagi manfaat pengguna dan peniaga.



Jelasnya, harga maksimum juga ditentukan di peringkat pengeluaran bagi ayam hidup dan telur ayam. Dalam pada itu, beliau berkata, kementerian akan bertindak tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim tersebut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Katanya, bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM500,000 manakala syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

"Bagi individu yang gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu, individu ini boleh didenda sebanyak RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000 manakala syarikat pula boleh didenda sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000,"katanya.

